

Al-Maududi dan Pemikirannya Tentang Sistem Politik Islam¹

Mohd Faizal bin P. Rameli *
Suhaida binti Mohd Amin
Universiti Teknologi MARA, Melaka, Malaysia
*faizal061@melaka.uitm.edu.my

ABSTRAK

Abu A'la Al-Maududi merupakan seorang ahli fikir Islam yang terkenal pada abad ke-20. Pemikiran beliau banyak menyentuh tentang teori politik Islam, konsep politik Islam, prinsip umum Islam dalam masalah politik dan sebagainya. Beliau juga banyak menyentuh tentang asas dan hakikat negara Islam, struktur negara Islam dan perlembagaan Islam. Al-Maududi memerangi kelompok yang mengagumi peradaban Barat. Beliau memberi perhatian utama terhadap perbahasan mengenai nilai-nilai peradaban Barat dalam bidang ekonomi, sosial dan politik. Beliau seterusnya menjelaskan tentang keunggulan Islam dari berbagai sudut agar dapat mengembalikan kepercayaan diri kaum Muslimin kepada agama mereka dan mempunyai rasa bangga pada identiti yang mereka miliki serta akhirnya dapat mengambil manfaat dari segi positif peradaban Barat dan membuang yang negatif. Dalam mengemukakan paradigmanya ini Al-Maududi menunjukkan prinsip-prinsip Islam yang menolak sahaman nasionalisme atau kebangsaan kerana konsep "ummah Islamiyyah" harus ditegakkan hanya berdasarkan aqidah Islam. Kertas ini pada keseluruhannya akan membincangkan secara ringkas mengenai latar belakang kehidupan dan beberapa pandangan beliau tentang sistem politik Islam.

Kata kunci: al-Maududi, Pemikiran, Sistem Politik, Politik Islam

1.0 PENDAHULUAN

Setelah kejatuhan khilafah Uthmaniyyah di Turki pada 3 Mac 1924, perdebatan tentang sistem khilafah dan politik Islam telah menjadi isu yang hangat untuk dibincangkan. Khilafah amat berkaitan dengan kekuasaan, pemimpin dan kepemimpinan. Dalam mendefinisikan khilafah dan khalifah, intelektual muslim secara umumnya, terbahagi kepada tiga kelompok, iaitu:

1. Golongan yang menolak sama sekali pandangan bahawa Islam memiliki konsep negara Islam, seperti dikemukakan oleh Thaha Husein dan Ali Abdurraziq dalam karyanya, *Al-Islam wa Ushul al-Hukmi*. Teori politik mereka dilihat sama dengan teori politik barat yang tidak mengakui sama sekali peranan agama dalam politik sebagaimana yang dipraktikkan oleh golongan Kristian.
2. Golongan yang menyatakan bahawa nilai-nilai pemerintahan terkandung di dalam ajaran Islam. Pendapat ini dipegang oleh ulama-ulama Mesir seperti Muhammad Husein Haikal, penulis *Hayatu Muhammad*.
3. Golongan yang merujuk sistem khilafah kepada zaman Nabi dan Khulafa ϕ Rasyidun. Pandangan ini dikemukakan Hasan al-Banna, Sayyid Qutb, Syaikh Rasyid Redha dan

¹ Kertas kerja dibentangkan dalam *1st International Conference On Public Policy And Social Science 2010 (ICoPS 2010)* pada 26 & 27 May 2010 bertempat di SP Inn Hotel, Sungai Petani, Kedah.

Abu al-A'la al-Maududi. Taqiyuddin al-Nabhani pula menyarankan agar kekhilafahan harus ditegakkan kembali.

Konsep khilafah sebenarnya berkait rapat dengan konsep *Daulah al-Islamiyyah* (Negara Islam). *Daulah al-Islamiyyah* zaman silam diakui telah berjaya mengembangkan dakwah dan menegakkan syariat Islam. Mendirikan *Daulah al-Islamiyyah* adalah wajib syar'i sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran dan al-Hadith. *Daulah al-Islamiyyah* menjadi amat penting pemerintahan Islam akan berperanan melindungi Islam secara menyeluruh.²

Dalam menerangkan ciri-ciri Daulah Islam, Yusuf al-Qardhawi menyatakan seperti berikut:

"Daulah Madaniyah yang merujuk kepada Islam, bersifat universal, berdasarkan hukum syariah, melaksanakan musyawarah dan bukan berkuasa ala kisra, daulah berperanan memberi petunjuk dan bukan mengumpul kekayaan, bertanggungjawab melindungi orang-orang yang lemah, melindungi hak dan kebebasan, berpegang teguh dengan nilai-nilai akhlak. Selain itu, Daulah Islam bukan daulah teokrat, tapi pemerintahan sivil." (al-Qaradhawy, 1998)

2.0 LATAR BELAKANG ABU AL-A'LA AL-MAUDUDI

Abu al-A'la Maududi merupakan salah seorang ulama abad ke-20 dan pengasas *Jamaat e-Islami*, Pakistan. Al-Maududi merupakan seorang ahli falsafah, sasterawan, dan aktivis yang aktif dalam pergerakan dan perjuangan Islam di seluruh dunia. Al-Maududi dikatakan mendapat ilham perjuangan dari Sayyid Qutb dalam *Jamaah al-Ikhwan al-Muslimin* di Mesir. Beliau turut dianggap sebagai tokoh perjuangan Islam seluruh dunia sama seperti Sayyid Qutb. (Maryam Jameelah,1973)

Al-Maududi dilahirkan pada 3 Rejab 1321H (25 September 1903 M) di Aurangabad. Beliau mendapat pendidikan di Madrasah Furqaniyah, sebuah sekolah tinggi terkenal di Hyderabad, bukan sekolah Islam Hyderabad (sekarang dikenali sebagai Maharashtra) di India. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran di *Dar al-Ulum* di Hyderabad. Mempunyai kemahiran dan penguasaan yang cukup tinggi dalam pelbagai bahasa seperti Arab, Parsi, Inggeris dan Urdu. (Maryam Jameelah,1975)

Al-Maududi memulakan kerjaya sebagai wartawan akhbar berbahasa Urdu pada tahun 1918, ketika berusia 15 tahun untuk menyara kehidupannya. Pada tahun 1920, beliau dialntik sebagai editor akhbar *Taj* yang diterbitkan di bandar Jabalpore (Madhya Pradesh), India. Pada tahun 1921, al-Maududi berpindah ke Delhi dan bekerja sebagai editor akhbar *Muslim* (1921-1923). Pada tahun 1925 hingga tahun 1928, beliau bekerja pula sebagai editor akhbar *al-Jam'iyyat* yang diterbitkan oleh Parti *Jam'iyyat-i 'Ulama-i Hind*. Di bawah kepimpinannya sebagai editor, *al-Jam'iyyat* telah muncul sebagai akhbar utama orang Islam di Asia Selatan meliputi India, Pakistan, Bangladesh, Sri Lanka dan Maldives. (Ishtiaq Husain Qureshi, t.t.)

² Selepas era Khulafa al-Rasyidin, dunia Islam dari tahun 661 M-1924 M telah dikuasai oleh beberapa buah dinasti seperti *Bani Umayyah* (661-750 M), *Bani Abbasiyyah* (750-1258 M), *Bani Umayyah Sepanyol* (756-1031 M), *Fathimiyah* Mesir (909-1171 M), *Turki Usmaniyyah* (1299 ó 1924 M), *Syafawi Iran* (1501-1722 M) dan *Moghul India* (1526-1858).

Al-Maududi turut terlibat membentuk Pergerakan *Khilafah* dan *Tahrik al-Hijrat*, iaitu Persatuan Asia Selatan yang ditubuhkan untuk menentang penjajahan kolonial Inggeris. Beliau mempengaruhi Muslim India berhijrah ke Afghanistan untuk menentang pemerintahan British di sana. Pada masa yang sama, al-Maududi mulai menterjemahkan buku berbahasa Arab dan bahasa Inggeris ke bahasa Urdu. Beliau juga telah menulis buku berjudul *al-Jihad fi al-Islam* yang diterbitkan secara berkala dengan nama *al-Jam'iyyat* pada tahun 1927. Pada tahun 1933, al-Maududi telah dilantik sebagai editor majalah bulanan, *Tarjuman al-Quran*. Kecenderungan penulisan beliau ialah tentang Islam serta konflik antara Islam dengan imperialisme dan modenisasi. Beliau turut mengemukakan penyelesaian dan jawapan bagi setiap permasalahan masyarakat Islam yang dijajah. (Osman Raliby, 1979)

Al-Maududi yang juga digelar al-Mujaddid³ telah mengasaskan pusat pendidikan Darul-Islam di bandar Pathankot, Punjab bersama dengan Muhammad Iqbal, seorang ahli falsafah dan juga ulama. Pusat pendidikan ini telah berjaya melahirkan pelajar yang memahami falsafah politik Islam dengan jelas. Al-Maududi mengkritik secara terang konsep dan ideologi Barat seperti nasionalisme, pluralisme dan feminism. Menurut beliau semua idea ini adalah alat Barat untuk menjajah umat Islam. Beliau turut menegaskan bahawa umat Islam wajib berusaha sendiri dan berjihad sehingga berjaya menegakkan negara Islam yang *syumul*. Al-Maududi juga telah menterjemah dan menafsirkan al-Qur'an ke dalam bahasa Urdu dan menulis pelbagai artikel berkenaan udang-undang dan kebudayaan masyarakat Islam. (Osman Raliby, 1979)

3.0 TEORI POLITIK AL-MAUDUDI DALAM *al-KHILAFAH wa al-MULK*

Buku *al-Khilafah wa al-Mulk* terdiri dari sembilan bab. Bab I memuatkan penjelasan al-Maududi tentang kandungan al-Qur'an berkaitan politik (*al-Siyasah*). Ia antara lainnya membincangkan *tasawwur al-Qur'an* bahawa Allah pencipta alam semesta, pencipta manusia dan mencipta sesuatu yang bermanfaat untuk manusia (al-Maududi, 1978). Ia menjelaskan bahawa Allah SWT adalah pemilik alam dan segala sesuatu yang ada di dalamnya sebagaimana terkandung dalam Surah al-Baqarah ayat 107 dan Surah al-An'am ayat 57. Selain itu beliau juga menegaskan bahawa Undang-undang tertinggi adalah hukum yang telah dibuat oleh Allah SWT sama seperti tercatat dalam Surah al-Ahzab ayat 36 dan Surah al-Nur ayat 47-48.(al-Maududi, 1978)

Dalam bab yang sama al-Maududi turut menjelaskan pentingnya *syura* (pemilihan umum) yang berdasarkan mencari kebenaran dalam rangka menegakkan Daulah Islamiyah. Beliau juga menyentuh pemilihan *rais daulah* (ketua kerajaan) dan pengatur kekuasaan pemerintahan. Al-Maududi turut menyatakan tujuan penegakan Daulah Islamiyah terdiri dari dua perkara, iaitu:

³ Mujaddid ialah istilah yang diberikan kepada orang-orang yang menjalankan kegiatan atau melaksanakan usaha memperbaharui, menghidupkan kembali dan menjernihkan semula Islam yang memenuhi konsep tajdid dalam erti kata yang sebenarnya. Perlu diperingkatkan bahawa isitlah **mujaddid** tidak boleh digantikan dengan istilah **modernist**, **reformist**, **revivalist** dan sebagainya yang digunakan oleh sarjana Barat untuk melukiskan kegiatan yang sama dikalangan masyarakat Barat dan primitif, apabila agama mereka tidak diminati lagi. Lihat: Sayyid Abul A'la al-Maududi. 1963. *A Short History of The Revivalist Movement in Islam*. Lahore : Islamic Publications Ltd.

- 1) menegakkan keadilan berlandaskan kebenaran dan menjauhi kezaliman, dan
- 2) mendirikan solat serta menunaikan zakat berdasarkan peraturan yang ditetapkan (al-Maududi, 1978).

Pada bahagian akhir bab ini, beliau menerangkan tentang ciri-ciri Daulah Islamiyah dalam al-Quran, iaitu:

- i. Negara tersebut harus merdeka terbebas dari penjajahan, masyarakatnya menerima pemimpin dari kalangan mereka sendiri, menjunjung tinggi nilai-nilai *ilahiyyat* yang telah diatur oleh Allah SWT dalam al-Quran dan As-Sunnah.
- ii. Pemimpin melaksanakan tugas-tugas kenegaraan dengan penuh ikhlas untuk mencapai redha *Ilahi*.
- iii. Menjunjung undang-undang tertinggi iaitu al-Qur'an dan al-Sunnah.
- iv. Negara yang ditegakkan atas ideologi dan pemikiran Islam yang benar, mematuhi nilai-nilai keimanani, mematuhi hukum-hukum yang berkuatkuasa serta menjaga hak dan kewajiban rakyat berlandaskan undang-.
- v. Negara yang berdiri diatas *mabda' al-Islam*.
- vi. Mengikuti akhlaq Islami, berjalan diatas ketaqwaan kepada Allah dan bukan hanya berlandaskan politik kekuasaan.
- vii. bertujuan untuk menegakkan amar ma'ruf nahi munkar bukan hanya menegakkan kuasa ketenteraan.
- viii. Wujud persamaan hak dan kewajiban serta saling tolong menolong di dalam kebijakan dan taqwah.
- ix. Wujud hubungan baik antara penguasa dan rakyat, bukan seperti hamba dan tuannya serta tidak menyekat kebebasan memberi pendapat dan mengamalkan syura. (al-Maududi, 1978)

Dalam Bab II pula, al-Maududi menjelaskan tentang dasar-dasar hukum Islam yang terangkum dalam sembilan perkara, iaitu: (1) Menjunjung tinggi *dustur ilahi*, (2) Adil diantara umat manusia, (3) prinsip persamaan diantara kaum muslimin, (4) Tanggung jawab pemegang kekuasaan, (5) *Al-Syura*, (6) Taat dalam hal kebaikan, (7) Anjuran untuk tidak meminta kuasa, (8) Tujuan kewujudan negara Islam dan (9) *Al-amr bil ma'ruf wa nahyu an al-Munkar*.

Bab III pula membincangkan tentang ciri-ciri khilafah al-Rasyidah, (Bab IV) menjelaskan proses peralihan kuasa dari khilafah Islamiyah kepada kerajaan, (Bab V) memaparkan perbezaan antara khilafah Islamiyah dan kerajaan, (Bab VI) memaparkan tentang sebab-sebab munculnya mazhab-mazhab khilafah dalam Islam serta sejarahnya, (Bab VII): tentang pendapat Imam Abu Hanifah tentang khilafah serta karya-karya beliau, (Bab VIII) Mazhab Abu Hanifah dalam khilafah serta permasalahan yang berkaitan dengan khilafah dan (Bab IX) menjelaskan tentang Imam Abu Yusuf dan karya-karya beliau.

4.0 KONSEP TEODEMOKRASI

Konsep teodemokrasi merupakan konsep sistem politik Islam yang dikemukakan oleh Al-Maududi dalam bukunya *al-Khilafah wa al-Mulk*. Konsep teodemokrasi merupakan akomodasi antara teokrasi dan demokrasi. Tetapi ia tidak bermakna al-Maududi menerima konsep teokrasi dan demokrasi Barat secara mutlak. Al-Maududi telah menolak dengan tegas teori kedaulatan rakyat berdasarkan dua alasan;

1. Menurutnya kedaulatan tertinggi adalah di tangan Allah SWT dan hanya DIA yang berhak menjadi pembuat hukum (*law giver*).
2. Amalan ökedaulatan rakyatö biasanya wujud hanya pada teori sahaja. Menurut beliau penyertaan rakyat hanya wujud pada ketika berlangsungnya proses pilihanraya. Sedangkan pihak berkuasa memiliki setiap masa sehingga wujud kumpulan yang menindas rakyat dengan menggunakan nama rakyat (al-Maududi, 1988).

Namun demikian, terdapat satu aspek demokrasi yang telah diterima Al-Maududi iaitu kekuasaan (Khilafah) ada di tangan setiap kaum mukminin. Khilafah tidak dikhususkan kepada kelompok atau kelas tertentu. Menurut Al-Maududi, perkara ini telah menjadi faktor yang membezakan di antara sistem Khilafah dengan sistem kerajaan. Ia disimpulkan oleh al-Maududi sebagai:

"Dan ini telah membawa khilafah Islamiyah ke arah demokrasi, walaupun terdapat perbezaan asas di antara demokrasi Islam dan demokrasi Barat..." (al-Maududi, 1978)

Konsep teokrasi yang menjadi asas teo-demokrasi yang di tolak oleh Al-Maududi adalah teori teokrasi model Eropah yang dipraktikkan pada Abad Pertengahan. Pada masa ini, penguasa atau raja memiliki kuasa dominan dan boleh membuat hukum sendiri atas nama Tuhan. Walaubagaimanapun unsur teokrasi yang berkait dengan kedaulatan tertinggi hanya pada Allah telah diterima oleh Al-Maududi. Oleh yang demikian, menurut Al-Maududi, rakyat akan mengakui kedaulatan tertinggi hanya pada Allah, dan secara sendirinya semua kuasa terhad kepada batas-batas perundangan Allah SWT. (al-Maududi, 1978)

Secara umumnya, konsep teodemokrasi Islam telah memberikan kuasa kepada rakyat, tetapi ia terbatas dengan apa yang telah ditetapkan oleh Allah. Dengan kata lain, teodemokrasi adalah berkonseptkan kedaulatan rakyat yang terbatas di bawah pengawasan Tuhan. Ia dijelaskan oleh Al-Maududi sebagai "*a limited popular sovereignty under suzerainty of God*". Al-Maududi turut menggunakan istilah *divine democracy* (demokrasi suci) atau *popular vicegerency* (kekuasaan suci yang bersifat kerakyatan) dalam membahaskan konsep negara dalam Islam. (al-Maududi, 1997 dan Jimly Al-Shidiqie, 1995)

5.0 KEDAULATAN TUHAN

Perkara ketiga yang akan dibincangkan ialah akomodasi konsep ökedaulatan Tuhanö (teokrasi) dalam konsep teo-demokrasi Al-Maududi. Walaubagaimanapun, pandangan al-Nabhani (1973) tentang perkara ini perlu diberi perhatian. Beliau telah mengusulkan konsep ökedaulatan di tangan syarakö dan bukannya konsep ökedaulatan Tuhanö. Secara umumnya tiada perbezaan di antara pandangan al-Nabhani dengan Al-Maududi dari sudut maknanya.

Kedua-duanya membawa maksud bahawa öyang berhak membuat hukum hanya Allah semata dan manusia tidak berhak membuat hukumö. Perbezaan hanya wujud berdasarkan sikap berhati-hati al-Nabhani untuk tidak menggunakan istilah ökedaulatan Tuhanö yang boleh menimbulkan salah faham. Pendirian al-Nabhani ini dapat difahami secara mudah kerana teori ökedaulatan Tuhanö mengandungi konsep-konsep yang bertentangan dengan Islam. Teori ini

tidak dapat dipisahkan dari konsep teokrasi yang berkembang di Barat pada Abad Pertengahan (abad ke-5 hingga 15 M).

Menurut The Concise Oxford Dictionary, istilah teokrasi dikaitkan dengan pemerintahan atau negara yang diperintah oleh Tuhan, baik secara langsung atau pun melalui kelas pendeta. (Jimly Al-Shidiqie, 1995) Dalam teokrasi Barat ini, konsep ini membawa maksud bahawa pemilik kekuasaan tertinggi atau kedaulatan adalah Tuhan yang telah mewakilkan kekuasaan-Nya kepada raja atau *Pope*. (Amiruddin, 2000). Oleh kerana mereka mewakili Tuhan, maka semua tindakan raja atau *Pope* dianggap terjaga, benar dan suci (*ma'sum, infellible*).

Justeru, negara teokrasi merupakan negara yang dipimpin oleh gerejawan atau raja yang menganggap segala perilaku mereka terjaga dari kesalahan dan suci. Maka wujud tanggapan bahawa apa yang mereka halalkan di bumi, tentu halal pula di langit dan apa jua yang mereka haramkan di dunia, tentu diharamkan pula di langit (al-Qardhawy, 1998). Menurut Imam Khomeini (t.t.), kesucian para pemimpin/penguasa, berada pada martabat yang sangat tinggi melebihi para nabi dan malaikat *muqarrabin*.

Teori ökedaulatan Tuhanö tidak dapat dipisahkan dari konsep teokrasi yang bertentangan dengan Islam. Terdapat sekurang-kurangnya tiga alasan kukuh untuk menunjukkan pertentangan di antara teokrasi dengan Islam, iaitu:

1. Dalam teori kedaulatan Tuhan, penguasa adalah wakil Tuhan di muka bumi. Sedang dalam Islam, seorang khalifah dalam negara Khilafah adalah wakil umat dalam urusan kekuasaan dan penerapan hukum-hukum Syariah Islam (al-Nabhani, 1973).
2. Dalam teori kedaulatan Tuhan, penguasa bersifat *ma'sum* tetapi khalifah Islam bukan orang yang *ma'sum*. Mereka terdedah kepada dosa dan kesalahan. Oleh sebab itu, Islam mensyariatkan amar *ma'ruf* nahi *munkar*. (An-Nabhani, 1990).
3. Dalam teori kedaulatan Tuhan, penguasa atau gerejawan membuat undang-undang atau hukum yang berasal dari dirinya sendirinya, tanpa pedoman yang jelas dari Tuhan. Sedang dalam Islam, penguasa menentukan hukum-hukum syaraø berdasarkan ijтиhad yang sahih dengan acuan dan pedoman yang jelas, iaitu Kitabullah dan Sunnah Rasul-Nya. (Djaelani, 1994).

Pertentangan dan perbezaan yang wujud ini mungkin menyebabkan al-Nabhani merumuskan konsepnya sebagai ökedaulatan di tangan syarakö (*al-siyadah li al-syar'i*), bukan ökedaulatan di tangan Tuhanö (*as-siyadah li-lallah*).

6.0 PENUTUP

Al-Maududi sebagaimana yang telah diterangkan secara ringkas dalam eseи ini, dianggap oleh pemikir-pemikir Islam mutakhir sebagai seorang tokoh pemikir Islam dan pejuang gerakan Islam yang tiada tolok bandingnya di abad ke 20 ini. Sejarah telah melakarkan pelbagai kisah mengenai ketokohan, kewibawaan dan keulungan beliau yang melayakkan beliau diangkat setaraf dengan mujaddid-mujaddid lain termasuk Jamaluddin al-Afghani dan Umar bin Abdul Aziz. Ketokohan dan pemikiran al-Maududi yang disebutkan dalam eseи ini merupakan sebahagian sahaja daripada apa yang ada pada dirinya. Al-Maududi sebenarnya dilihat

mempunyai peranan yang meluas dalam pelbagai bidang keagamaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan juga sosial. Menurut sejarawan, al-Maududi telah berperanan dalam pelbagai bidang termasuklah mengenai politik Islam, Negara Islam dan Perlembagaannya, Hak-Hak Asasi Rakyat Muslim dan Non-Muslim dan juga permasalahan ekonomi.

RUJUKAN

- Abul A'la al-Maududi. 1963. *A Short History of the Revivalist Movement in Islam*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- _____. 1988. *Khilafah dan Kerajaan (Al-Khilafah wa Al-Mulk)*. Alih Bahasa Muhammad al-Baqir. Cetakan II. Bandung: Mizan.
- _____. 1997. *The Islamic Law and Constitution*. 12th ed. Lahore: Islamic Publications
- Al-Nabhani, Muhammad Faruq. 1973. *Nizam al-hukm fi al-Islam : dirasat tataadaman ma`alim al-nizam al-siyasi al-Islami wa-masadiruhu wa-al-sultat al-`ammah fihi*. Kuwait: Matbu`at Jamiat al-Kuwayt.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1998. *Fiqh Daulah Menurut Perspektif Islam*. Terj. Juanda Haji Jaya. Bandar Baru Bangi, Selangor: Maktabah al-Qardhawi.
- Al-Shidqie, Jimly. 1995. *Islam dan Kedaulatan Rakyat*. Jakarta : Gema Insani Press.
- Amiruddin, M. Hasbi. 2000. *Teori Kedaulatan Tuhan, Konsep Negara Islam Menurut Fazlur Rahman*. Cetakan I. Yogyakarta: UII Press.
- Djaelani, Abdul Qadir. 1994. *Kedaulatan Tertinggi dalam Negara, Sekitar Pemikiran Politik Islam*. Jakarta: Media Dakwah.
- Ishtiaq Husain Qureshi. t.t. *Ulama in Politics*. Edisi Kedua, Karachi: Maaref Limited.
- Khomeini, Ruhollah. t.t. *al-Hukumah al-Islamiyah*. Bayrut : Mu'assasat al-A`lamī.
- Maryam Jameelah. 1973. *Who Is Maudoodi*. Edisi Pertama, Lahore: Muhammad Yusof Khan
- _____. 1975. *Islam and Modernism*. Edisi Ketiga, Lahore: Muhammad Yusof Khan.
- Osman Raliby. 1979. òAbul A'la al-Maududi ö, dalam Abul A'la al-Maududi, Pokok-Pokok Pandangan Hidup Muslim. (Terjemahan Prof. Osman Raliby) Jakarta: Bulan Bintang,